

10 DEC 2002

Sorotan-Pertahanan

ANGKATAN TENTERA M'SIA KUASA UNTUK DISEGANI

Oleh: Mohd Haikal Isa

KUALA LUMPUR: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah pasti akan menjadi kuasa yang disegani, terima kasih kerana kedudukan ekonomi yang lebih baik pada tahun 2002 yang memungkinkan pemerolehan persenjataan dan peralatan terkini.

Tentera Darat kini boleh berbangga dengan kuasa tembak yang lebih baik lagi, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pula akan mendapat kapal selam dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pula bukan sahaja mendapat lebih banyak pesawat malah lebih canggih lagi.

Dengan adanya lebih banyak sumber kewangan untuk dibelanjakan, kerajaan telah menghidupkan semula rancangan jangka panjang pembaharuan angkatan tentera, menurut penganalisis pertahanan.

Langkah Malaysia memperoleh persenjataan, bagaimanapun, menimbulkan persoalan di kalangan penganalisis asing yang dengan cepat menuduh negara mencetuskan perlumbaan senjata di rantau.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak menolak pendapat itu dengan berkata ia tidak berasas dan pembelian itu telahpun dirancang lama sebelum kegawatan ekonomi pada 1997.

"Pembelian (senjata) adalah untuk menaiktaraf dan menggantikan peralatan ketenteraan yang telah lapuk," kata beliau baru-baru ini.

Beliau juga menafikan sebarang andaian yang langkah Malaysia membeli kelengkapan ketenteraan menyebabkan negara jiran Singapura turut mengambil langkah lebih kurang sama.

Seorang penganalisis pertahanan tempatan yang tidak mahu namanya disiarkan berkata: "Apabila Malaysia membelanjakan wangnya dalam pertahanan, ia akan dianggap sebagai perlumbaan senjata tetapi apabila Singapura berbuat sama, semua orang berdiam."

Panglima ATM Jen Tan Sri Zahidi Zainuddin berkata, jika persaingan dengan negara-negara jiran menjadi alasan untuk membeli senjata, maka ia mewujudkan satu situasi lebih kurang sama seperti perlumbaan senjata.

#### EMPAT KAPAL SELAM DALAM ARMADA TLDM

Pembelian paling menonjol dibuat pada Jun apabila kerajaan menandatangani perjanjian untuk membeli dua kapal selam baru Scorpene buatan Perancis dan dua lagi kapal selam Spanish Agosta-70 yang dibaik pulih untuk digunakan sebagai platform latihan.

Urusniaga RM3.4 bilion bersama DCNI di Perancis dan limbungan Sepanyol, Izar bagi kapal selam bersaiz sederhana itu menamatkan pencarian TLDM bagi keupayaan bawah permukaan laut.

Pemerolehan TLDM itu yang sudah lama dinantikan menjadikan TLDM negara ketiga di Asia Tenggara untuk memiliki armada kapal selam selepas tentera laut Singapura dan Indonesia.

Kapal selam Malaysia merupakan yang paling moden di rantau ini berbanding kapal selam Singapura daripada kelas Sjoormen buatan Sweden dan kapal selam buatan Jerman yang digunakan oleh Indonesia. Kapal selam kedua-dua negara itu adalah model awal.

Kapal selam Scorpene sepanjang 70 meter direkabentuk berdasarkan kepada kapal selam berkuasa nuklear Perancis dan boleh membawa pelbagai jenis persenjataan berbahaya dan berkesan termasuk torpedo dan juga misil anti kapal.

Menjelang hujung bulan ini, 160-180 anggota TLDM akan dihantar ke Perancis untuk menjalani latihan sebelum negara menerima kapal selam

pertamanya pada 2007.

#### SEBAHAGIAN BESAR PERBELANJAAN BAGI PERTINGKATKAN KUASA TEMBAK

Pembelian termahal ialah bagi TLDM tetapi jika diperhatikan aliran pembelian bagi sepanjang tahun ini, jelas sekali Tentera Darat mendapat sebahagian besar daripada peruntukan tahunan bagi pertahanan.

Walaupun dianggap "pembuat kata putus dalam mana-mana peperangan", Tentera Darat ketinggalan semasa program-program permodenan sebelum ini pada pertengahan 1990-an dengan tumpuan diberi bagi meningkatkan keupayaan TLDM dan TUDM.

Rancangan permodenan bagi tentera darat bermula lewat tahun lepas apabila Kementerian Pertahanan memperoleh meriam katak (howitzers) jarak sederhana 22 G5 155mm daripada pembuat senjata Afrika Selatan, Denel.

Meriam katak buatan Afrika Selatan itu sudah pasti menaikkan kuasa tembak artileri tentera darat yang selama ini bergantung kepada meriam katak 12 FH-70 155mm dan 105mm Pack Howitzers.

Malaysia terus menjadi perhatian pada tahun ini apabila ia memutuskan untuk membeli Sistem Pelancaran Berbilang Roket ASTROS (MLRS) yang sangat strategik daripada Brazil pada harga lebih RM700 juta.

MLRS yang berketepatan tinggi dan kebolehnya teruji di Perang Teluk mampu menembak roket pelbagai kaliber bagi jarak sehingga 90km.

Seorang editor majalah pertahanan Jane's Defence Weekly, Christopher F. Foss memberitahu Bernama semasa pameran dan persidangan Defence Services Asia '02 (DSA '02) bahawa pembelian itu meningkatkan lagi keupayaan angkatan tentera Malaysia.

#### KUASA TEMBAK AKAN DITINGKATKAN DENGAN KETARA

"Itu (pemerolehan G5 dan ASTROS) telah meningkatkan jarak dan kuasa tembak ATM," katanya.

Kuasa tembak tentera sudah pasti meningkat di bulan-bulan akan datang dengan Kementerian Pertahanan dijangka memberi kelulusan bagi pembelian sebilangan meriam katak CAESAR 52-caliber 155mm buatan Perancis yang boleh dipasang atas trak.

Semasa DSA '02 pada April, beberapa lagi urusan berjaya dimeterai bagi pembelian sistem pertahanan udara jarak dekat Jernas bernilai RM1 bilion daripada MBDA (UK) Ltd, Iгла V-Shorads buatan Rusia yang dilancarkan dari atas bahu dan jambatan mudah alih daripada syarikat-syarikat Perancis dan British.

Jernas, yang dikatakan kebal terhadap segala langkah balas elektronik yang diketahui seperti yang didakwa oleh pengeluarnya, boleh meliputi jarak sehingga 9km dan mempunyai keupayaan untuk mematahkan serangan peluru berpandu dan amunisi pintar.

Angkatan Tentera Malaysia sehingga sekarang menggunakan satu kombinasi misil anti pesawat Starburst yang ditembak dari atas bahu serta Anza Mk2 yang diperolehi baru-baru ini dari Pakistan dan juga pelbagai senapang pertahanan udara sebagai sistem utama dalam mempertahankan ruang udara.

"Dalam taktik moden peperangan, keupayaan pertahanan udara adalah sangat penting memandangkan ia memberi perlindungan kepada tentera infantri dan aset-aset tanah lain daripada serangan kapal terbang dan helikopter musuh," kata Najib.

#### KERETA PERISIAI BUATAN POLAND PERKUKUHKAN LAGI KESIAPSAGAAN TENTERA

Mac lepas menyaksikan satu lagi pencapaian penting bagi tentera darat Malaysia selepas penilaian bertahun-tahun mengenai Kereta Perisai Utama Pertempuran (MBT) yang harus dibeli berakhir apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad mengumumkan bahawa negara akan membeli "Twardy" PT-91 buatan Poland.

Pengumuman itu dibuat oleh Dr Mahathir semasa lawatannya ke negara bekas anggota Pakatan Warsaw itu.

Kereta perisai itu, keluaran Bumar Labedy, merupakan versi T-70 Rusia yang dinaik taraf dan dilengkapi sistem elektro-optik dan kawalan tembakan generasi ketiga buatan Perancis.

Najib berkata Malaysia dan Poland masih berunding mengenai bilangan MBT untuk diperolehi tetapi terdapat ura-ura yang negara besar kemungkinan akan membeli 48 unit PT-91s tidak termasuk kenderaan sokongan dalam urusan bernilai US\$300 juta.

#### TUDM AKAN PEROLEH PESAWAT PEJUANG BARU BERBILANG GUNA

Dengan ekonomi negara diunjurkan bertambah pada tahun depan, wujud persekitaran yang sesuai bagi permodenan pertahanan, satu keputusan mengenai jenis Pesawat Pejuang Berbilang Guna (MRCA) yang akan dibeli dijangka dibuat tidak lama lagi.

Sementara pesawat pejuang FA-18/F Super Hornets buatan Amerika dijangka menjadi pilihan TUDM, pesawat buatan Rusia Sukhoi SU-30MK juga dalam pertimbangan.

Pada September, sebuah agensi berita asing melaporkan Pentagon telah memaklumkan Kongres Amerika bahawa Boeing, pembuat Super Hornet, mungkin menjual 18 jet pejuang itu kepada Malaysia dalam satu urusan bernilai US\$1.5 bilion (RM5.7 bilion).

Tanpa mahu mengesahkan, Najib berkata kerajaan tidak mengeluarkan apa-apa surat niat bagi jet Super Hornets.

Pada 1993 Malaysia memperoleh pesawat MiG-29N buatan Rusia dan US FA-18D Hornet buatan Amerika bagi TUDM dan tiada alasan mengapa ia tidak mengambil langkah yang serupa kali ini.

-- BERNAMA

MHI LDB PR RR